

22/12/2001

PM mahu rakyat eratkan hubungan

Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR, Jumaat - Rakyat perlu mengekalkan persahabatan antara kaum dan sesama kaum masing-masing sebagai satu keluarga Malaysia yang besar bagi mengekalkan keamanan yang dinikmati negara selama ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, dengan kekalnya keamanan maka usaha menjadikan Malaysia sebagai negara maju dapat diteruskan dan semua rakyat akan dapat menikmati keuntungan daripadanya.

"Semua rakyat Malaysia daripada semua kaum adalah satu keluarga dan kita harus merapatkan hubungan sebagai satu keluarga Malaysia.

"Kalau kita dapat rapatkan hubungan, tentulah kita akan menjadi lebih aman dan lebih bahagia," katanya berucap pada majlis sambutan perayaan Dong Zhi atau permulaan musim sejuk di Stadium Putra Bukit Jalil di sini, malam ini.

Hadir sama isteri beliau, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik; Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik dan pengerusi penganjuran sambutan itu, Tan Sri Lee Kim Yew.

Perdana Menteri berkata, persahabatan boleh dimantapkan dengan memahami adat serta budaya pelbagai kaum serta bersama menyambut perayaan semua kaum seperti yang diamalkan sekarang.

Dr Mahathir berkata, dengan cara itu persefahaman di antara kaum yang berbeza agama dapat diwujudkan, sekali gus mewujudkan suasana hidup harmoni dan aman.

"Dengan cara ini perasaan curiga, takut dan sangsi akan hilang," katanya.

Perdana Menteri berkata, rakyat juga harus bersyukur dan berterima kasih kerana keamanan yang dinikmati di negara ini selama ini.

"Malaysia adalah negara unik yang berbeza dari negara lain kerana rakyatnya yang berbilang kaum dan agama dapat hidup dengan harmoni, rukun damai serta saling menghormati.

"Di negara lain rakyat merusuh kerana harga barangan semakin meningkat. Mereka pergi ke pasar raya dan menyamun barang-barang. Tetapi di Malaysia keadaan itu tidak berlaku kerana kita mampu membelinya," katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata, setiap rakyat perlu terus mengekalkan keamanan dan bekerja keras bagi menjadikan Malaysia negara maju menjelang 2020.

Katanya, semua pihak harus memainkan peranan penting ini kerana Malaysia adalah negara setiap rakyat.

"Kita akan memajukan negara ini supaya tidak ada pihak yang dapat menindas kita dan kita kekal merdeka, makmur dan menikmati segala hak sebagai rakyat," katanya.

(END)